

Kerjasama eksklusif Lancôme x Louvre – Kecantikan ialah seni dalam gerakan

PARIS, 29 Ogos 2023 /PRNewswire/ -- Muzium Louvre dan Lancôme bergabung tenaga dalam satu kerjasama yang belum pernah berlaku sebelum ini. Diilhamkan oleh sembilan karya agung daripada jabatan arca serta daripada lampu dan warna muzium tersebut, Lancôme telah mereka bentuk sebuah koleksi produk penjagaan dan alat solek edisi terhad yang dikenali sebagai Lancôme x Louvre.

Kempen yang menyokong pelancaran ini telah difilemkan di Muzium Louvre dengan Zendaya, Aya Nakamura, Amanda Seyfried dan He Cong, yang kesemuanya ialah duta bagi kerjasama ini. Keempat-empat personaliti ini, setiap orang merupakan imej kecantikan zaman kita, menampilkan ciri-ciri dan mitos beberapa ikon arca melalui personaliti mereka yang kuat.

Louvre, sumber inspirasi

Sejak penubuhannya pada tahun 1793, Muzium Louvre bertujuan sebagai sebuah tempat di mana para seniman boleh belajar daripada karya-karya pakar yang hebat bagi memperoleh inspirasi untuk mencipta karya mereka sendiri. Sehingga hari ini, Louvre ialah sebuah muzium hidup, sumber inspirasi yang tiada batasannya untuk semua pencipta, kerana sejarah seni terus menerangi zaman kita dalam pelbagai bidang. Untuk kerjasama yang tidak pernah berlaku sebelum ini, Lancôme telah diinspirasi oleh 'Venus de Milo', 'Winged Victory of Samothrace', 'Corine', 'Diana of Gabii', 'Nymphe with a Scorpion', 'Echo', 'Hygieia', 'Venus of Arles' dan yang terakhir, 'Hermaphrodite'. Setiap karya agung ini, melalui kisah dan mitos yang terkandung di dalamnya, telah memberi inspirasi kepada Lisa Eldridge, Pengarah Alat Solek Lancôme untuk menghasilkan koleksi alat solek ini.

"Saya teruja dengan kerjasama pertama ini dengan Lancôme, yang menggambarkan pelbagai bentuk kecantikan dengan mahir yang dipersembahkan oleh koleksi Louvre ini, di mana pertembungan budaya dan tamadun melangkaui tanah dan masa. Pilihan 'Venus of Milo', 'Nymphe with a Scorpion' atau 'Diana Gabii' sebagai duta kempen ini membawa perspektif baharu tentang imej zaman purba yang ikonik dan memberi inspirasi yang membezakannya dengan piawaian dan gambaran kontemporari. Sejarah seni dan kecantikan, "pembuatan" dan pencariannya adalah amat berkait rapat. Budaya pop, dengan imej bergerak, pengiklanan dan rangkaian sosialnya yang mempengaruhi kehidupan seharian kita, sering menggunakan gambaran dan visual yang abadi ini, kadangkala amat bijak dan kadangkala kuno. Koleksi Muzium Louvre adalah menakjubkan dan menarik dalam cara ia membolehkan kita melihat dan memahami cara piawaian tersebut ditafsir, berubah dan berkembang. Melalui kerjasama ini, Louvre, sebuah hab seni kontemporari, membantu menulis pandangan tentang kecantikan pada masa kini."

Laurence des Cars

Presiden merangkap Pengarah Muzium Louvre

"Di Lancôme, kecantikan adalah seni dalam gerakan; kecantikan itu sendiri, sebagai suatu ritual peribadi, merupakan cara untuk mengekspresi diri dan menonjol dalam cara yang melangkaui piawaian yang sentiasa berubah. Kerjasama kreatif dengan Louvre yang tidak pernah berlaku sebelum ini merupakan suatu bukti budaya terhadap keyakinan ini dan misi kami terhadap kecantikan di Lancôme. Dengan meneruskan hubungan antara jenama Perancis kami dengan sebuah sejarah yang kaya selama hampir 90 tahun dan pusat seni yang paling ikonik di dunia, kami ingin memupuk perspektif segar tentang kecantikan kepada kaum wanita pada masa kini berdasarkan warisan seni kami dan meraikan sifat kecantikan yang sentiasa berkembang."

Françoise Lehmann

Pengurus Besar Lancôme International

[Muat turun foto berdefinisi tinggi](#)

Hubungan akhbar: Carolina Schmollgruber_Naib Presiden Komunikasi Global Lancôme,
Carolina.schmollgruber@loreal.com, +33 (0)7 77 33 39 06